

23/01/2002

Pulau Tioman jadi tumpuan broker tanah

Zainudin Isa

ROMPIN, Selasa - Broker tanah dari luar dikatakan mula bertumpu ke Pulau Tioman sejak kerajaan mengumumkan status bebas cukai diberikan kepada pulau peranginan itu, minggu lalu.

Kehadiran broker tempatan dan luar pulau itu, dipercayai bagi memujuk pemilik tanah di Tioman supaya menjual tanah mereka atau menjalankan pelbagai projek pembangunan secara usaha sama.

Beberapa penduduk dan pemimpin setempat yang ditemui Berita Harian mengakui broker tanah dan ejen hartanah, termasuk dari negara jiran, mula membanjiri Tioman sejak pengumuman pemberian status bebas cukai berkenaan.

Ketua Kampung Tekek dan Salang, Kamaruzzaman Ismail, berkata antara tanah yang mendapat perhatian broker luar ialah kawasan tepi pantai yang berpotensi dijadikan pusat peranginan dan pembinaan hotel.

"Kami ada dengar orang luar berebut-rebut ke Tioman. Bila dengar pulau ini nak dibangunkan, tuan tanahlah sering menjadi sasaran broker tanah," katanya di sini.

Tioman adalah pulau ketiga diberikan status itu selepas Labuan dan Langkawi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata pemberian status itu bertujuan menarik lebih ramai pelancong asing, khususnya dari Singapura, ke pulau itu.

Kamaruzzaman berkata, tindakan ejen dan broker tanah memujuk pemilik tanah sukar dihalang kerana ia adalah hak mereka dan tuan tanah.

Beliau berkata, pihaknya hanya boleh menasihatkan pemilik supaya berhati-hati berikutan mungkin ada broker mengambil kesempatan menipu atau menawarkan harga terlalu rendah kepada pemilik.

Katanya, laporan akhbar bahawa harga sesetengah tanah di Tioman kini mencecah RM300,000 hingga RM500,000 sehektar baru-baru ini menyebabkan lebih ramai broker mengunjungi pulau itu.

"Mungkin harga tanah mencecah setengah atau satu juta ringgit jika tuan tanah menukar status daripada pertanian kepada industri," katanya sambil menambah, antara kawasan yang menjadi sasaran broker ialah tanah berhadapan pantai dan berdekatan jeti yang mungkin dibangunkan sebagai kompleks bebas cukai.

Beliau bagaimanapun berharap pemilik tanah tidak diperdaya menerima tawaran broker.

"Saya yakin mereka boleh mendapat harga tinggi jika bersabar. Jika tidak berhati-hati, mereka mungkin kehilangan tanah, semata-mata ingin mendapatkan keuntungan cepat," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan status tanah rizab Melayu di pulau itu boleh terlepas jika tanah dicagarkan melalui pembiayaan projek usaha sama dengan orang asing.

Pemilik chalet di Kampung Tekek, Wan Ayub Wan Man, berkata tanah seperti miliknya yang menghadap pantai kini menjadi tumpuan pembeli luar.

"Memang saya dengar ramai pembeli luar ingin mencari tanah dan melabur di pulau ini. Tapi, saya tidak sekali-kali melepaskan tanah milik saya seluas kira-kira tiga hektar itu.

"Kalau mereka nak masuk melabur dengan mengadakan perkongsian, itu saya setuju, tapi kalau nak beli terus saya tidak setuju kerana tanah itu warisan saya untuk anak cucu," katanya.

Seorang lagi pengusaha chalet, Mohamad Sabri Nazri, berkata selain kehadiran broker dan pembeli asing, sebarang pertukaran hak milik tanah

penduduk kampung kepada agensi kerajaan juga perlu diperketatkan.

"Saya difahamkan sebelum ini lebih 40 hektar tanah di Kampung Tekek diambil alih kerajaan dengan harga yang rendah dengan alasan menjalankan pembangunan prasarana kepada satu agensinya.

"Jika ini tidak dikawal, saya bimbang orang kampung yang tidak tahu apa-apa akan menjadi mangsa," katanya.

(END)